

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : NASIONAL

BH Jumaat, 26 April 2024

Nasional

29

Program HEART manfaat M40, B40

Peluang terima rawatan di Pusat Perubatan MSU

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Pelancaran program Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment (HEART) bertujuan memperkasakan akses perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada M40 dan B40.

HEART adalah hasil Model Kerjasama Awam Swasta (PPP) antara Management and Science University (MSU), Pusat Perubatan MSU, Yayasan MSU dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata program HEART menyaksikan Pusat Perubatan MSU berperanan sebagai hospital kluster dan zon *buffer* kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Hospital Shah Alam dan Hospital Sultan Idris Shah, Serdang.

Katanya, Pusat Perubatan MSU akan menangani kes kesihatan tertentu yang memerlukan

pembedahan secara percuma termasuk *Inguinal Hernia Repair Procedure* dan *Laparoscopic Cholecystectomy*.

"Kerjasama strategik ini membolehkan M40 dan B40 bakal mendapat aspek penjagaan kesihatan berkualiti dan canggih khususnya bagi tempoh menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan dengan kos yang optimum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Program HEART di Dewan Canselor MSU di sini, semalam.

Turut hadir, Pengasas Pusat Perubatan MSU dan Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid; Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Naib Canselor MSU, Profesor Datuk Dr Junainah Abd Hamid.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, perkhidmatan kesihatan menerusi program itu adalah penginapan wad kelas pertama serta perlindungan daripada kos pembedahan lain.

Katanya, pemilihan, penilaian dan tempoh susulan jangka panjang bagi pesakit untuk mengikuti program HEART akan dilaksanakan oleh KKM, manakala

aspek pembiayaan oleh Yayasan MSU dan KKM.

"Pelaksanaan program HEART secara langsung turut memberikan manfaat secara tidak langsung kepada KKM dalam mengutilisasikan penggunaan Dewan Pembedahan Hospital Terbaharu dengan secara optimum.

"Selain itu, ia turut menjadi platform terbaik kepada pegawai perubatan KKM dalam aspek latihan dan penggunaan fasiliti perubatan moden dan terkini," katanya.

Beliau berkata, sejak Memorandum Perjanjian (MoA) antara Pusat Perubatan MSU dan KKM ditandatangani secara rasmi pada 18 Mac lalu, pusat perubatan itu sudah mula menerima pesakit.

"Setinggi-tinggi penghargaan dan tahmah kepada MSU dan Pusat Perubatan MSU kerana memulakan projek HEART ini, katanya.

Tingkat reputasi negara

Sementara itu, Dr Mohd Shukri, berkata kerjasama itu memenuhi perkongsian PPP sebagai komponen penting dalam meningkatkan sistem penjagaan kesihatan Malaysia, sekali gus meningkatkan reputasi negara sebagai hab



Dr Dzulkefly (kanan) diiringi Dr Mohd Shukri (dua dari kanan) melawat pameran selepas melancarkan Program HEART di Dewan Canselor MSU Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

untuk perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia.

Beliau berkata, menerusi program HEART, MSU dan Pusat Perubatan MSU bekerjasama dengan KKM dalam penubuhan Pusat Perubatan MSU *Public Wings* dalam menyediakan sokongan, sumber dan bantuan rawatan kepada pesakit daripada kategori B40 dan mereka yang kurang berkemampuan.

"Yayasan MSU pula memainkan peranan penting dalam projek ini untuk menyediakan da-

na dan bantuan kewangan sebagai refleksi komitmen MSU dan Pusat Perubatan MSU yang berterusan terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) sebagai penyedia perkhidmatan dan hospital universiti masa depan yang mapan untuk semua," katanya.

Beliau berkata, pada Februari lalu menerusi PPP, Pusat Perubatan MSU bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi membangunkan Pusat Rehabilitasi PERKESO Shah Alam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : LOKAL

HEART perkasa akses perkhidmatan kesihatan kepada M40, B40

Shah Alam: Program *Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment (HEART)* berupaya memperkasakan akses perkhidmatan kesihatan kepada golongan M40 dan B40.

Program kerjasama antara MSU Medical Centre (MSUMC), Management and Science University (MSU), Yayasan MSU (YM) serta Kementerian Kesihatan (KKM) itu akan mendeckan tempoh menunggu pesakit yang memerlukan pembedahan kecil.

Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerjasama strategik itu membolehkan golongan M40 dan B40 mendapat manfaat dalam aspek penjagaan kesihatan berkualiti dan canggih khususnya bagi aspek tempoh menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan dengan kos optimum.

"Program HEART bakal menyaksikan MSUMC akan berperanan sebagai hospital kluster dan zon 'buffer' kepada Hospital Tengku

Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Hospital Shah Alam (HSA) serta Hospital Sultan Idris Shah, Serdang dalam menangani kes-kes tertentu kesihatan yang memerlukan pembedahan.

"Di antara perkhidmatan *surgical* percuma yang disediakan termasuk *Inguinal Hernia Repair Procedure* dan *Laparoscopic Cholecystectomy*," katanya pada Majlis Pelancaran HEART di Dewan Canselor MSU di sini, semalam.

Turut hadir, Pengasas MSUMC dan Presiden MSU

Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Datuk Dr Nor Azimi Yunus dan Naib Canselor MSU Profesor Datuk Dr Junainah Abd Hamid.

Dzulkefly berkata, HEART adalah usaha yang baik menerusi kolaborasi awam dan swasta.

"Saya berharap usaha baik ini akan 'berjangkit' secara positif kepada hospital kesihatan lain untuk menambahbaik fasiliti kesihatan kita," katanya.



DR Dzulkefly (kanan) diiringi Dr Mohd Shukri (dua dari kanan) melawat pameran selepas melancarkan HEART di Dewan Canselor MSU Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

'Singkatkan tempoh menunggu'

SHAH ALAM – Tempoh menunggu bagi pembedahan angin pasang dan batu karang bagi pesakit hospital kerajaan boleh dipendekkan antara tiga hingga sembilan bulan menerusi kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dan hospital swasta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, ini dilakukan menerusi program *Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment (H.E.A.R.T)* terutama dalam memperkasakan akses perkhidmatan kepada golongan M40 dan B40.

"H.E.A.R.T adalah kerjasama antara Management & Science University (MSU), MSU Medical Centre (MSUMC) dan Yayasan MSU (YM) serta KKM yang telah bermula sejak 18 Mac lalu.

"MSUMC berperanan sebagai hospital kluster dan zon 'buffer' kepada Hospital Tengku Ampuan



DR. DZULKEFLY (duduk, tengah) pada Pelancaran Program H.E.A.R.T di Dewan Canselor MSU, Shah Alam semalam. – SADDAM YUSOFF

Rahimah (HTAR) Klang, Hospital Shah Alam (HSA) serta Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) Serdang dalam menangani kes-kes tertentu kesihatan yang memerlukan pembedahan.

"Antara perkhidmatan 'surgi-

cal' percuma yang disediakan termasuklah Inguinal Hernia Repair Procedure dan Laparoscopic Cholecystectomy," katanya ketika menyempurnakan pelancaran H.E.A.R.T di MSU Seksyen 13, di sini semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

JKNJ keluarkan kompaun RM600,000 merokok di restoran

KULAI - Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) telah mengeluarkan kompaun hampir RM600,000 berkaitan kesalahan merokok di premis makanan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Pengarahnya, Dr. Mohtar Pungut berkata, selain kepada perokok terbabit, kompaun turut dikenakan kepada pemilik premis kerana gagal mematuhi undang-undang Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

"Sehingga Mac tahun ini, JKNJ telah mengeluarkan 3,835 notis kompaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM599,150 di seluruh Johor.

"Kompaun kepada perokok sebanyak RM250, manakala kompaun yang dikenakan kepada perokok bawah umur pula sebanyak RM50. Sementara itu, premis yang tidak memaparkan tanda larangan merokok dikompaun RM500," katanya kepada pemberita selepas mengetuai operasi dijalankan pihaknya di sekitar Kulai, di sini, petang kelmarin.

Tambah Mohtar, tahap kesedaran dalam kalangan perokok berhubung larangan itu masih rendah.

"Sehubungan itu, kami



MOHTAR (tengah) mengetuai operasi pemeriksaan kebersihan premis makanan yang dijalankan JKNJ di sekitar Kulai, Johor, petang kelmarin.

memohon kerjasama pemilik premis restoran untuk bersikap proaktif dan memberi peringatan kepada pelanggan mereka agar tidak merokok di kawasan berkenaan," jelasnya.

Sementara itu, mengulas berhubung operasi berkenaan, lebih daripada 60 premis makanan telah diperiksa seramai 75 pegawai dan anggota jabatan berkenaan.

"Lapan premis telah diarahkan tutup serta merta kerana

tidak mematuhi standard kebersihan ditetapkan untuk beroperasi, manakala 87 notis berjumlah RM28,000 turut dikeluarkan.

"Sebanyak 50 daripada notis itu kerana tidak berpakaian sewajarnya seperti tidak berkasut dan tidak memakai apron ketika kendalikan makanan, manakala selebihnya kerana pekerja tidak mempunyai suntikan typhoid, tidak jalani kelas pengurusan makanan," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

HEART mempercepat pembedahan pesakit

SHAH ALAM: Masa menunggu untuk pembedahan bagi pesakit di hospital kerajaan boleh dikurangkan antara tiga hingga sembilan bulan hasil kerjasama dengan hospital swasta di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerjasama dengan Management & Science University (MSU), MSU Medical Centre (MSUMC) dan Yayasan MSU (YM) itu dibuat menerusi program ekuiti penjagaan kesihatan untuk rawatan berpatutan dan pantas (H.E.A.R.T).

“Mengikut statistik, sejak H.E.A.R.T bermula daripada 18 Mac hingga 23 April lepas, sebanyak 16 kes telah dilaksanakan.

“Kerjasama awam-swasta (PPP) ini bermatlamat untuk memperkasakan akses perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada M40 dan B40,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran H.E.A.R.T yang turut dihadiri Pengasas MSUMC dan Presiden MSU, Prof. Tan Sri Dr. Mohd Shukri Ab. Yajid di MSU Seksyen 13 di sini semalam.

Dzulkefly berkata, kerjasama strategik tersebut membolehkan golongan M40 dan B40 mendapat manfaat perkhidmatan dengan kos yang optimum, aspek penjagaan kesihatan yang



DZULKEFLY Ahmad (kanan) diiringi Mohd. Shukri Ab. Yajid (dua dari kanan) melawat pameran selepas melancarkan program di Dewan Canselor MSU Shah Alam, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

berkualiti dan canggih dalam masa yang lebih singkat.

Katanya, dalam program itu, MSUMC berperanan sebagai hospital kluster dan zon penampungan kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Hospital Shah Alam (HSA) serta Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) Serdang dalam menangani kes-kes tertentu kesihatan yang memerlukan pembedahan.

“Antara perkhidmatan pem-

bedahan percuma yang disediakan termasuklah Inguinal Hernia Repair Procedure dan Laparoscopic Cholecystectomy.”

“Selain itu, perkhidmatan kesihatan lain yang disediakan ialah penginapan wad kelas pertama, tempoh menunggu yang lebih singkat serta perlindungan daripada kos-kos pembedahan yang lain,” katanya.

Beliau berkata, pemilihan, penilaian dan rawatan susulan

jangka panjang pesakit yang mengikuti program H.E.A.R.T akan dilakukan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) manakala bagi aspek pembiayaan dan kos pembedahan akan melibatkan model pembiayaan oleh Yayasan MSU dan KKM.

Sementara itu Mohd. Shukri berkata, pihaknya menyasarkan sebanyak 50 kes dapat diselesaikan di bawah program H.E.A.R.T. dalam tahun ini.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Public-private partnership offers affordable healthcare for M40, B40

SHAH ALAM: Patients hoping for elective surgery can now see their waiting time – which can go up to nine months – reduced thanks to a joint effort between the Health Ministry and a private teaching hospital.

The MSU Medical Centre (MSUMC), Management and Science University (MSU) and MSU Foundation, together with the ministry, launched the Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment (HEART) project for selected patients to be monitored and treated at the private hospital, with the costs funded by the foundation.

The public-private partnership (PPP) offers affordable and quality healthcare for the M40 and B40 groups.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, who launched the HEART programme, said the collaboration marked a signifi-

cant milestone in PPP.

"In the long term, this kind of collaboration will address many unresolved issues about healthcare services, namely the problems of increasing further access, reducing waiting lines, bottlenecks of services, talent development, incentives and training of ministry staff in the private sector and others.

"I hope this also helps reduce the workload and waiting times in public hospitals by outsourcing certain medical services and procedures to private hospitals," he said in his speech yesterday.

Through the HEART project, selected patients, including the underprivileged, and cases will be monitored and referred by public hospitals to MSUMC's Public Wings, where the surgery, management and treatment costs will be funded by MSU Foundation, as part of its corporate social

responsibility initiative.

The initiative will see MSUMC becoming a cluster hospital and buffer zone for Hospital Tengku Ampuan Rahimah in Klang, Hospital Shah Alam, and Hospital Sultan Idris Shah in Serdang, in handling specific health cases requiring surgery.

Among the free surgical services offered are inguinal hernia repair and laparoscopic cholecystectomy.

Other healthcare services include first-class ward accommodation and coverage of other surgical costs.

The selection, assessment, and long-term follow-up of patients under the HEART project will be overseen by the ministry.

During a press conference, Dzulkefly said since the memorandum of agreement between MSUMC and the ministry was officially signed on March 18,

MSUMC's Public Wings had started receiving patients and so far operated on 16 cases.

When asked, he said he hoped such PPP efforts would become "infectious" with more institutions coming on board.

"It's something that spreads positively, a desire to mutually strengthen and develop.

"This is an impactful journey and highly values-based. Especially when it comes from a private institution, but with a pure vision and objective in terms of advancing and developing the journey, focusing on low-income groups and others," he added.

Also at the launch event were MSU and MSUMC president Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, MSU vice-chancellor Prof Puan Sri Dr Junainah Abd Hamid, Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, and other officials from the min-

istry, university and medical centre.

Prof Mohd Shukri said MSUMC aimed to receive and help 50 patients a month, and it would keep doing this as long as there were allocations in the foundation.

"Today's accomplishment is an extension of our previous collaboration between the MSU and the ministry, particularly focusing on helping the ministry improve bottlenecks and reducing waiting times in public hospitals.

"Our goal is to ensure more efficient delivery of minor surgeries without the lengthy six to nine months' waiting period.

"As long as we have the necessary funds, we are committed to continuing our efforts. There are no quotas or limitations. We are actively seeking opportunities to make a meaningful impact," he said.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : VIEWS

THE STAR, FRIDAY 26 APRIL 2024

Views 15

Wither the 24-hour eatery?

LET'S face it, Malaysians love to eat.

In fact, this is an understatement, because eating out is a national pastime and the proliferation of late-night eateries and 24-hour Mamak restaurants only fuel our appetites.

And it is because of this penchant for late-night suppers that there was a predictable backlash against a proposal from the Consumers Association of Penang (CAP) to repeal the operating licences of 24-hour eateries.

This week, the NGO said the widespread availability of food and drink round-the-clock can cause negative effects such as weight gain, sleep disorders and digestive issues.

CAP president Mohideen Abdul Kader, in a statement posted on Facebook, said that limited access to late-night eating will be healthier for Malaysians.

"Presently, Malaysians are unhealthy as we have the highest prevalence of obesity among adults in South-East Asia. In the 2019 National Health and Morbidity Survey, 50.1% of our adult population were reported to be overweight (30.4%) or obese (19.7%).

He said obesity is a risk factor for non-communicable diseases (NCDs) like Type 2 diabetes, cardiovascular disease and cancer.

CAP's proposal to curb such eateries may have drawn brickbats, but stakeholders should still be concerned over our unhealthy eating habits.

BRIAN MARTIN

@KlangRed



On your side

"Given the situation and the high number of Malaysians affected, it was revealed that RM9.65bil was spent annually to deal with NCDs in the country.

"Though shortening the operating hours for eateries would not completely solve the obesity issue in Malaysia, it would help reduce late-night eating among Malaysians," he added.

I believe that, though well-meaning, CAP's suggestion to reduce the operating hours of late-night eateries, is misguided.

Obesity is caused by unhealthy diets and a lack of physical activity, so closing 24-hour eateries would not guarantee that people do not look for alternatives.

CAP's proposal, if it is accepted by the authorities, would not

address the health problems that Malaysians have because many resort to eating junk food during the day. And this is also because healthier food is more expensive than junk food.

Rather than Big Brother deciding or legislating what, where and when we should eat, individuals should be responsible for their own eating habits and lifestyles. There is no quick fix to these obesity issues, and the answer to reducing NCDs is education and nutritional awareness.

In an immediate response, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said there must be engagement with stakeholders of the 24-hour eatery ecosystem, as well as a well-prepared paper on the issue before the proposal is studied by the government.

He said the low "health literacy" and the needs of certain groups will have to be taken into account before doing so and pointed out that it is better to prioritise the menu content and cleanliness of these eateries rather than ban their round-the-clock operations.

I couldn't agree more. I am not against late night eateries, but the

authorities need to crackdown on the lack of cleanliness at these restaurants. Many of these establishments are breeding grounds for rodents due to unhygienic practices. Food waste is a concern as is proper disposal of garbage.

A quick check of DBKL's guidelines for such eateries is clear: 24-hour restaurants must not be located near residential areas, cleanliness including disposal of grease traps and garbage must be adhered to, excessive noise, disturbance and bad odours are not permitted, and these establishments are not allowed to place chairs and tables on pavements and parking lots.

It would be foolish to assume that the above rules are followed. Take a drive, or better still, visit any of these 24-hour eateries. I venture that there is a blatant disregard for some or all of these guidelines.

Both the Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) and the Malaysian Indian Restaurant Owners Association (Primas) were quick to slam CAP's proposal, but this was only to be expected as these establishments constitute the

bulk of the 24-hour eateries.

Statements issued by both the associations rightly pointed out that there is a segment of the population, including uniformed services and factories, that depend on late-night eateries.

But beyond providing employment opportunities and generating revenue through food sales and tourism, these restaurants have a duty, via their respective associations, to work with the local authorities to ensure that guidelines are followed, and hygienic conditions are enforced.

"Primas is willing to work with CAP to find ways in providing healthy and nutritious food for the people and I believe the members would also gladly participate in any food campaigns to provide healthy menu for the people," said the president of the association, J. Suresh.

This is a welcome initiative if it comes to fruition. CAP's proposal may have stirred a hornet's nest, but it has also served to shed a light on the ticking timebomb that Malaysia has - an unhealthy populace that is costing the government billions in terms of dealing with NCDs.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

W4

FRIDAY
APR 26, 2024

theSun

Malaysian Paper

www.thesun.my RM1.00 PER COPY No. 8509 PP 2644/12/2012 (031195)

RM1




Initiative to reduce waiting time for urgent surgeries

Collaboration between Management and Science University and Health Ministry facilitates timely treatment and enables B40, M40 groups to benefit from high-quality procedures.

Report on page 3

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad with MSU president Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid (left) pose for a selfie with management and staff members of MSU Medical Centre and Management and Science University students after launching the Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment project at the medical centre yesterday.
— ADIB RAWI YAHYA/THE SUN



AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Initiative cuts waiting time for urgent surgeries

► Govt pact with MSU also enables B40, M40 groups to benefit from high-quality procedures, says health minister

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

SHAH ALAM: Patients with chronic diseases requiring immediate surgery no longer have to wait long for their procedures, thanks to the Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment (Heart) project, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The project is a collaboration between the Management and Science University (MSU), MSU Medical Centre (MSUMC) and the Health Ministry to provide and improve access to healthcare.

"Prolonged waiting times can worsen chronic diseases, leading to increased complications over time, and as cases become more serious, procedures also become more complex.

"Once patients have been seen or treated under this project, it will free space for others to receive timely treatment without prolonged waiting. Previously, waiting times could be as long as six weeks to nine months," he said when launching the Heart project yesterday.

Dzulkefly said through the collaboration, private and public sector parties can work together by sharing their expertise, facilities and resources to provide timely treatment.

He said the collaboration will enable the B40

and M40 groups, and allow the underprivileged to benefit from high-quality and advanced healthcare treatments, as well as reduce waiting times for services at optimum cost.

"In the long term, the project will address many issues such as increasing access to healthcare services and reducing queues and bottlenecks."

The Heart project will see MSUMC playing a pivotal role as a cluster hospital and buffer zone for the Tengku Ampuan Rahimah Hospital in Klang, Shah Alam Hospital and Sultan Idris Shah Hospital in Serdang, especially in terms of conducting surgeries.

Dzulkefly said among the free surgeries to be conducted are the Inguinal Hernia Repair Procedure and Laparoscopic Cholecystectomy. Some 16 such surgeries have already been performed since March 18.

"Under the Heart project, selected patients will be referred to MSUMC public wings, and monitored by government hospitals. Surgery, management and treatment costs will be funded by the MSU Foundation through its corporate social responsibility initiative.

"We aspire to further enhance this collaboration and address other diseases as well. There's no greater hope than to continue its success into the future without any time constraints or limitations," he said.

MSU president Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid said the collaboration complements the public-private partnership as an essential component of improving the healthcare system and enhancing the country's reputation as a world-class healthcare services hub.

"The initiative is not only limited to free medical check-ups, health awareness campaigns or distribution of daily essential items to the underprivileged and neighbourhood communities.

"It also extends to MSU Foundation's support through providing financial assistance and treatment to patients facing such difficulties," he said.

Mohd Shukri said MSU Foundation's provision of financial assistance is a reflection of MSU's and MSUMC's ongoing commitment to the UN Sustainable Development Goals as a core component to ensure a better future for all.

He said initially, MSUMC set its sights on assisting 50 patients and is actively working towards this goal.

"It is crucial to promptly address medical cases as neglecting minor issues could potentially lead to major problems for patients in the future.

"We are now focusing on how to assist the ministry to alleviate bottlenecks and reduce waiting times, particularly for minor surgeries, instead of patients waiting up to nine months."

Mohd Shukri said through analytics and data-driven insights, MSUMC can assess the effectiveness of public-private partnerships and improve the healthcare system.